

The background is a dark, textured surface with a repeating pattern of stylized, swirling motifs. Overlaid on this are several large, gold-colored geometric shapes, including triangles and diamonds, some of which are partially cut off by the edges of the frame. The text is centered in the middle of the image.

ALUMNI
1983-1992



DATU
HAJI ABANG MOHD SHIBLI
BIN HAJI ABANG MOHD NAILIE

*“Terima kasih ITM kerana telah memberi landasan
untuk kami terus maju ke hadapan”*



Ikon Alumni Datu Haji Abang Mohd Shibli bin Haji Abang Mohd Nailie dilahirkan pada 9 Jun 1962. Pengurus Besar bagi Tabung Baitulmal Sarawak ini memulakan pengajian tinggi beliau sebagai salah seorang pelajar program diploma di Institut Teknologi MARA (ITM), Kampus Batu Lintang, Kuching pada Julai 1980.

Graduan ITM bagi tahun 1983 ini tidak lekang ingatannya akan kenangan-kenangan manis yang terpahat di sanubari sepanjang pengalaman bergelar pelajar. Suasana belajar yang dirasakan berbeza dibanding alam persekolahan seperti semester yang pendek serta bebas berpakaian dirasakan mudah dan menyenangkan bagi beliau. Di universiti juga, Datu Haji Abang Mohd Shibli bergiat aktif dalam bidang muzik dan aktiviti-aktiviti lain bersama rakan-rakan beliau.



Disentuh memori berkasih dengan isteri beliau, ITM jugalah yang menjadi lokasi pertemuan di antara keduanya di mana isteri beliau juga merupakan pelajar di universiti yang sama ketika itu. Alhamdulillah, kehadiran tiga orang cahaya mata dan seorang cucu dalam hidup pasangan ini menjadi penyambung kasih sayang keluarga mereka.

Menyoroti kehidupan beliau di universiti, Datu Haji Abang Mohd Shibli sering bergantung harap pada makanan dan minuman percuma yang disediakan oleh ITM memandangkan keadaan kewangan beliau pada ketika itu yang terhad. Sindiran “penumpang” yang dilabelkan orang pada pelajar ITM (ketika itu bangunan ITM masih menumpang di bangunan Maktab Perguruan Batu Lintang) juga menghiris hati, ditambah pula kelengkapan dan kemudahan fasiliti di ITM Cawangan Sarawak yang dirasakannya tidak mencukupi dibanding kemudahan tersedia di ITM Shah Alam.



Sumbangan berterusan beliau dalam membantu agama dan bangsa lahir dari rasa kesyukuran kepada hadrat Illahi yang memberi ruang dan peluang yang luas melalui kemasukannya ke ITM. Beliau tidak pernah melupakan jasa para pensyarah yang sentiasa menjadi sebahagian pendorong bagi mencapai kejayaan berterusan sehingga ke hari ini.



Antara penglibatan Datu Haji Abang Mohd Shibli sehingga kini adalah beberapa jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah naungan Majlis Islam Sarawak (MIS) seperti Jawatankuasa Dan Panel Penasihat peringkat MIS, Superintending Officer atau pegawai yang bertanggungjawab bagi projek-projek pembangunan di bawah naungan MIS. Beliau turut aktif dalam beberapa pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sukarelawan seperti HIKMAH (NGO Islam terbesar di Sarawak) dengan menjawat jawatan sebagai Bendahari, Setiausaha Agung dan terkini sebagai Timbalan Yang Dipertua. Penglibatan beliau dalam peringkat korporat seperti Ahli Lembaga Pengarah dalam beberapa buah syarikat korporat juga turut terserlah. Beliau turut menjadi Pengerusi Koperasi Al-Bait Sarawak Berhad dan Pengerusi Yayasan Kepimpinan Albait serta diberi kepercayaan untuk menjadi Pemegang Amanah dalam beberapa Yayasan lain.

Atas sumbangan beliau kepada Negeri Sarawak dan Malaysia amnya, beliau telah mendapat beberapa darjah kebesaran, pingat dan kurniaan seperti Darjah Jasa Bakti Sarawak (D.J.B.S) oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dengan gelaran "DATU" pada tahun 2012. Sempena Majlis Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Negeri Sarawak pada tahun 1440H/2018, beliau telah menerima Anugerah Ma'al Hijrah bagi Kategori Anugerah Kepimpinan Organisasi Agensi Islam. Pada tahun 2022, beliau juga mendapat pentauliahkan Mejar Kehormat Askar Wataniah oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.